

# Teruskan berdoa kenang mangsa MH370

Kita masih lagi terasa kejutkan kemalangan yang membabitkan pesawat Malaysia Airlines (MAS) MH370.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, juga baru saja mengesahkan pesawat berkenaan 'berakhir' – bermaksud terhempas di Lautan Hindi.

MH370 terbang ke koridor selatan dan berakhir di sekitar 2,500 kilometer dari bandar Perth, Australia.

Ia dibuat berdasarkan kajian teliti data satelit yang dikumpul sejak beberapa hari lalu.

"MH370 terbang ke koridor selatan dan posisi terakhir adalah di selatan Lautan Hindi. Dengan kesedihan dan kekesalan yang mendalam, saya ingin memaklumkan, dengan data baru ini, penerbangan MH370 berakhir di Selatan Lautan Hindi," katanya dalam satu sidang media kelmarin.

Pengumuman itu pasti menyayat hati terutama ahli keluarga penumpang pesawat MH370.

Beliau juga berkata, perkara ini akan diberitahu dengan lebih khusus keesokan hari (semalam).

## Hormati privasi ahli keluarga mangsa

Najib juga berharap agar orang ramai terutama pihak media menghormati privasi ahli keluarga mangsa.

Untuk rekod, sebelum mengadakan sidang media berkenaan MH370 ini, Najib telah pun bercakap dengan pihak berkuasa Australia berhubung penemuan terbaharu mengenai misteri kehilangan pesawat berkenaan.

Australia sebelum itu mengesahkan mereka telah menemui dua objek yang dipercayai ada kaitan dengan kehilangan MH370 dan mereka memerlukan

## DOA UNTUK MH370



Tragedi MH370 terhempas di Lautan Hindi **mengundang simpati masyarakat dunia.**

[GAMBAR HIASAN]

sedikit masa untuk melakukan analisis sebelum mengumumkan hasil penemuan.

Kini, Perdana Menteri kita mengumumkan bahawa penerbangan MH370 disahkan telah 'berakhir' di Lautan Hindi.

Persoalannya sekarang, adakah kita sebagai rakyat Malaysia sentiasa mengingati tragedi ini dengan berdoa ataupun sekadar di mulut saja?

Jika kita lihat di media sosial seperti Facebook, Twitter, mahupun Instagram, ramai yang memuat naik gambar dan hash-

## FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: [bhforum@bh.com.my](mailto:bhforum@bh.com.my)

tag #PrayForMH370.

## Praktikkan dalam doa

Tidak dinafikan dengan cara ini membantu individu lain mendoakan dalam tragedi ini. Tetapi, alangkah baiknya jika setiap apa yang kita tulis dalam laman sosial itu dipraktikkan dalam doa.

Apapun situasi yang menimpa menyedarkan kita bahawa setiap kejadian yang berlaku pasti ada hikmah di sebaliknya.

**Muhammad Ismat Salleh,**  
Universiti Sains Islam Malaysia